

Garis Panduan Kategori *Short Video Instructor*

1. Pengenalan

Kategori *Short Video Instructor* merupakan pertandingan penghasilan video pendek berunsurkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui platform media sosial atau platform digital seperti TikTok, Facebook Reels, YouTube Shorts, Instagram Reels, SnackVideo, LinkedIn atau mana-mana platform digital yang sesuai.

2. Objektif

- i. Meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam PdP melalui pendekatan digital.
- ii. Memupuk kemahiran komunikasi dan literasi digital/AI dalam kalangan warga TVET.
- iii. Menggalakkan perkongsian amalan terbaik PdP sebagai rujukan komuniti TVET.

3. Syarat Penyertaan

Penyertaan hendaklah mematuhi syarat umum pertandingan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Umum MIPAC TVET 2026. Video hendaklah dimuat naik ke platform media sosial yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

4. Spesifikasi Teknikal

Ciri	Video pendek menggunakan platform digital
Format	Format video mengikut keperluan platform digital yang digunakan
Nisbah Aspek	Menegak (9:16)
Durasi	30 – 60 saat
Platform	Muat naik ke salah satu platform berikut: • TikTok • Facebook Reels • YouTube Shorts • Instagram Reels • SnackVideo • LinkedIn
Kandungan	Video hendaklah mempunyai objektif pembelajaran yang jelas, isi kandungan yang tepat, serta visual dan audio yang menarik, jelas dan berkesan.
Kualiti Audio & Visual	Audio jelas, visual stabil serta mudah difahami
Keaslian	Video mestilah hasil karya asli peserta dan tidak melanggar hak cipta

5. Dokumen Sokongan

Peserta hendaklah mengemukakan dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Laporan projek;
- ii. Ringkasan projek (*Extended Abstract*);
- iii. Poster projek;
- iv. Pautan video pendek atau bahan digital berkaitan; dan
- v. Dokumen tambahan lain yang berkaitan bagi menyokong penyertaan.

Semua dokumen sokongan hendaklah dikemukakan dalam format yang ditetapkan oleh pihak penganjur dan boleh diakses sepanjang tempoh penilaian pertandingan.

6. Kriteria Penilaian

Semua penyertaan akan dinilai berasaskan aspek berikut:

i. Penilaian Dokumen

Bil	Kriteria	Penerangan	Peratus
1	Laporan Projek	Kualiti laporan dari segi kejelasan, susunan dan kandungan inovasi ● Format PDF atau Word yang merangkumi latar belakang, proses pembangunan dan impak. ● Laporan hendaklah disertakan bersama bukti penggunaan, data ringkas atau maklum balas pengguna sekiranya telah dilaksanakan. ● Prompt / log penggunaan AI perlu dinyatakan di dalam laporan	15%
2	Pematuhan Spesifikasi	Etika dan Penggunaan AI Beretika	5%
3	Kandungan dan Reka Bentuk	Kandungan yang tepat, lengkap dan jelas serta berfokus kepada satu (1) aktiviti kemahiran	15%

	Projek PdP	atau konsep kemahiran yang spesifik berdasarkan NOSS yang berkaitan. Video hendaklah memenuhi objektif PdP, disokong dengan reka bentuk PdP yang ringkas dan sesuai dengan format video pendek.	
4	Keaslian, Kreativiti dan Inovasi	Tahap keaslian idea, kreativiti dan inovasi dalam penghasilan <i>short video</i> ● Penyediaan papan cerita (<i>storyboard</i>) : Pre-production, production-suntingan audio dan grafik (edit video / animasi) dan post-production. ● Mestilah karya asal peserta.	10%
5	Video Projek (Hasil)	● video pendek di platform digital / platform media sosial seperti YouTube, Facebook, Instagram, TikTok atau mana-mana platform digital yang bersesuaian untuk capaian umum. ● Video hendaklah berdurasi antara 30 hingga 60 saat. ● Laporan penglibatan (<i>engagement</i>) daripada penyedia platform media sosial seperti <i>views</i>, <i>likes</i> dan <i>watch time</i> hanya dijadikan nilai tambah dan bukan penentu utama penilaian bagi memastikan keadilan kepada semua peserta tanpa dipengaruhi jumlah pengikut atau capaian media sosial sedia ada. ● Kualiti visual, audio dan penyuntingan video yang jelas dan profesional.	25%
6	Impak dan Kebolegunaan	● Keberkesanan video dalam PdP serta kesesuaian untuk digunakan dalam situasi sebenar. ● Membantu pengguna belajar dengan lebih baik ● Menarik minat dan melibatkan pengguna secara aktif dalam pembelajaran ● Menyokong keberkesanan latihan	15%

		kemahiran TVET serta meningkatkan kefahaman terhadap aktiviti amali dan kompetensi pembelajaran. ● Berpotensi untuk diperluaskan dan diadaptasi di institusi TVET lain.	
7	Potensi Penggunaan Secara Meluas dan Kepelbagaian Tools	● Menilai potensi penggunaan video merentas topik, kursus atau konteks pembelajaran serta kesesuaian penggunaan perkakasan dan perisian dalam menghasilkan video. ● kepelbagaian penggunaan perkakasan dan perisian.	15%
Jumlah markah			100%

ii. Pembentangan Projek (*Pitching*)

Bil.	Kriteria	Penerangan	Peratus
1	Penyampaian Pembentangan	Penyampaian yang jelas, tersusun, yakin dan menepati masa yang ditetapkan.	20%
2	Penguasaan Projek	Menunjukkan kefahaman yang baik terhadap objektif, kaedah, fungsi dan hasil projek.	25%
3	Demonstrasi dan Pembuktian Projek	Demonstrasi, video atau bukti projek berjaya menunjukkan fungsi, keberkesanan dan kebolegunaan inovasi.	20%
4	Nilai Inovasi dan Impak	Menjelaskan keunikan projek serta manfaat, potensi penggunaan dan impaknya kepada TVET.	20%
5	Sesi Soal Jawab	Memberi jawapan yang tepat, jelas, profesional dan meyakinkan terhadap soalan panel penilai.	15%
Jumlah markah			100%

iii. Pemarkahan Keseluruhan

Bil.	Kriteria	Penerangan	Peratus
1	Penilaian Dokumen	Penilaian keseluruhan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan merangkumi kandungan dan reka bentuk PdP, keaslian, kreativiti dan inovasi, integrasi teknologi AI, kualiti teknikal video, impak dan kebolehgunaan, potensi penggunaan secara meluas, pematuhan spesifikasi serta kualiti laporan inovasi	70%
2	Pembentangan (<i>Pitching</i>)	Kejelasan, keyakinan dan keberkesanan penyampaian semasa pembentangan termasuk keupayaan menjelaskan idea serta menjawab soalan dengan baik	30%
Jumlah markah keseluruhan			100%

7. Penutup

Garis panduan kategori ini disediakan bagi memastikan peserta memahami keperluan penyertaan, spesifikasi teknikal, dokumen sokongan dan kaedah penilaian yang ditetapkan. Semua peserta hendaklah mematuhi syarat dan ketetapan pertandingan bagi memastikan proses penilaian dilaksanakan secara teratur, telus dan adil. Keputusan panel penilai adalah muktamad.